



17 Januari 2017  
17 January 2017  
P.U. (B) 28

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

KANUN TANAH NEGARA  
PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSDUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 55/1911 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 6 Januari 1911, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 8 Enakmen Tanah 1903, Residen British Selangor telah mengisyiharkan bahawa petak tanah yang terletak di mukim Kuala Lumpur, seperti yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 7,776, yang disimpan di Pejabat Pengguna Hasil Ukur, Selangor, menjadi satu rizab bagi maksud Rizab Kuari yang disenggarakan oleh pegawai yang dilantik pada masa itu untuk menjalankan tugas Jurutera Negeri, Selangor:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai P.U. (B) 388/2016 pada 30 Ogos 2016: